

Guna semula sistem lama untuk atasi kerenah birokrasi

SERDANG - Kerajaan akan memperkenalkan semula sistem lama yang merangkumi prosedur manual, fail meja dan carta aliran tugas kepada penjawat awam bagi menangani isu kerenah birokrasi, kata Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar kecil**).

Beliau berkata, ia membolehkan seseorang penjawat awam tahu apa yang perlu dibuat apabila terdapat permintaan untuk melaksanakan sesuatu prosedur kerja tanpa melalui proses birokrasi yang rumit.

Katanya, beliau telah berbilang dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Ismail Bakar untuk memperkenal-

kan balik sistem lama itu.

"Kalau tidak tahu buat tugas, perlu tanya kepada orang lain, dan ini akan melambatkan proses. Kalau ada carta aliran tugas, penjawat awam boleh melaksanakan tugas dan serahkan tugas selanjutnya kepada orang lain.

"Apabila sampai ke pegawai tertinggi, perkara itu akan disemak sama ada dilakukan dengan betul sebelum meluluskan permintaan, dan ini boleh meningkatkan perkhidmatan birokrasi," katanya pada sesi soal jawab selepas melancarkan Perhimpunan Perdana Bersama Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan



KERAJAAN akan menukar kepada sistem fail untuk mengurangkan kerenah birokrasi. - Gambar hiasan

Awam (CUEPACS) di Universiti Putra Malaysia di sini semalam.

Dr. Mahathir berkata, tanpa birokrasi, kerja juga tidak dapat dilakukan namun yang menjadi

masalah apabila terlalu banyak proses yang terlibat.

"Satu orang mahu mendirikan pelancongan di Langkawi. Dia terpaksa meminta permit dari-

pada dekat 20 jabatan. Jadi lambatlah, kadangkala pegawai pun tidak begitu cekap atau tidak tahu apa tanggungjawabnya," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, KSN sedang berusaha untuk membekalkan buku prosedur kepada orang awam, berhubung apa yang perlu dilakukan apabila mereka ingin membuat sesuatu.

"Contohnya, kalau mahu membuka hotel, ada beberapa perkara yang perlu dibuat sebelum mendapatkan lesen membuat hotel. Mereka akan diberitahu di dalam buku, perkara inilah kamu kena buat dan jabatan perlu pergi. Maka itu, (apabila) dapat kerajaan lakukan, saya fikir kerenah birokrasi ini akan berkurangan," katanya.